

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 03.09.2025 MASA: 9:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS *SOFT LAUNCHING* PENAMBAHBAIKAN
PUSAT PENDIDIKAN HIJAU TASEK GELUGOR DAN
PENANAMAN CILI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**3 SEPTEMBER 2025 (RABU)
4.30 PETANG**

**PUSAT PENDIDIKAN HIJAU TASEK GELUGOR
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras Program Soft Launching Penambahbaikan Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor Dan Penanaman Cili

Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini sempena **Majlis Soft Launching Penambahbaikan Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor dan Penanaman Cili.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir meluangkan masa bagi bersama-sama menjayakan majlis ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada petang ini melambangkan komitmen bersama kita dalam menjayakan agenda kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar.
3. Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor ini telah menjadi wadah penting dalam mendidik masyarakat khususnya generasi muda tentang konsep pertanian moden dan kelestarian alam. Pusat ini telah dibangunkan dengan kaedah pertanian seperti fertigasi, hidroponik serta tanaman kontan dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

4. Dahulunya dikenali sebagai Pusat Pendidikan Hijau Padang Cempedak, pusat ini telah melalui beberapa penambahbaikan yang signifikan, antaranya pemasangan pagar baharu, pembinaan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu, pewujudan mini akuaponik, stesen kompos sisa kebun menggunakan tong terpakai serta pelaksanaan program Bengkel Pertanian Bandar. Kesemua inisiatif ini telah memperkuuhkan lagi peranan pusat ini sebagai hab pendidikan, komuniti dan inovasi hijau.
5. Selain itu, satu rumah kompos akan dibina berkapasiti enam (6) buah mesin kompos sebagai ‘one stop centre’ bagi pemprosesan sisa organik yang dikutip di pasar-pasar awam MBSP. Hasil kompos ini akan digunakan kembali di pusat ini, sekaligus menggerakkan kitaran lestari yang praktikal dan berimpak tinggi.
6. Bermula Januari 2025, sebanyak empat (4) siri Bengkel Pertanian Bandar telah berjaya dilaksanakan melibatkan sekolah-sekolah dan institusi komuniti. Melihat kepada keperluan ini, pembangunan sebuah dewan terbuka, stor kimia, surau serta tandas turut dirancang agar aktiviti pendidikan dapat dijalankan dengan lebih selesa dan teratur. Stor kimia diwujudkan bagi memastikan pengurusan baja dan bahan pertanian lebih sistematik serta selamat.

7. Pada petang ini juga, kita menyaksikan semula aktiviti penanaman cili spesies Kulai Hibrid 461 yang dijalankan selepas kerja-kerja penyelenggaraan fertigasi dan hidroponik selesai dilaksanakan. Sebanyak 1,144 polibeg cili telah disediakan bagi memastikan hasil tanaman yang berkualiti dan berdaya saing. Penanaman cili ini dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kos berjumlah RM1,575.00. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada UPSI atas sokongan padu yang diberikan.
8. Sesungguhnya, usaha penambahbaikan pusat ini adalah seiring dengan hasrat MBSP untuk mendidik masyarakat ke arah tanggungjawab bersama dalam penghasilan sumber makanan yang selamat, lestari dan rendah karbon. Inisiatif ini juga bertepatan dengan agenda global melalui *Sustainable Development Goals (SDG) 12* dan *13* iaitu *Responsible Consumption & Production* serta *Climate Action*.
9. Adalah menjadi harapan saya sebagai Datuk Bandar Seberang Perai, agar Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor ini bukan sahaja menjadi pusat rujukan dalam pendidikan alam sekitar, tetapi juga berkembang sebagai medan ilmu, inovasi dan keterlibatan komuniti. Semoga ianya mampu melahirkan masyarakat yang lebih prihatin, bertanggungjawab serta mampu mengoptimumkan ruang dan sumber yang ada untuk manfaat bersama.

10. Marilah kita bersama-sama menjadikan pusat ini sebagai simbol perpaduan komuniti hijau yang resilient, inklusif, progresif dan berdaya saing, seiring dengan visi MBSP iaitu “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.”

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***